

Bantu tingkat ekonomi, infrastruktur, modal insan masyarakat

UTHM potensi majukan Parit Raja

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
utusanjohor@utusan.com.my


BATU PAHAT 25 Feb. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mampu membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, infrastruktur dan modal insan masyarakat setempat khususnya di kawasan Parit Raja, di sini.

Sumbangan ini adalah amat penting memandangkan fungsi sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) semakin luas dan bukan hanya sekadar lokasi seseorang untuk menuntut ilmu.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kewujudan sesebuah IPT seperti UTHM di kawasan luar bandar dan jauh dari pusat pentadbiran kerajaan negeri adalah suatu perkara yang amat positif.

"Ini kerana dengan wujudnya universiti seperti ini, sekali gus dapat membantu merencanakan daya saing ekonomi masyarakat tempatan kerana UTHM dihuni oleh ribuan mahasiswa.

"Secara tidak langsung, kehadiran mereka turut menyumbang kepada

 Kita mahu mendedahkan masyarakat kampung khususnya anak-anak muda pelbagai bidang yang lebih mencabar seperti sains dan teknologi

IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan II

pembangunan setempat," katanya semasa menghadiri majlis Ramah Mesra bersama warga UTHM selepas merasmikan bangunan baharu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM, di sini baru-baru ini.

Beliau turut meluangkan masa menyertai aktiviti berbasikal bersama warga UTHM di sekitar kawasan universiti dalam usaha memupuk budaya sihat dalam kalangan warga kampus.

Idris berkata, sesebuah universiti perlu mencari strategi tersendiri untuk mendekati masyarakat dengan pelbagai bidang ilmu yang ditawarkan institusi terbabit.

"Perkara ini amat penting kerana dengan pendedahan secara berterusan, generasi muda luar bandar juga

mempunyai potensi besar untuk sama-sama berdaya saing dengan rakan-rakan mereka di kawasan bandar.

"Kita mahu mendedahkan masyarakat kampung khususnya anak-anak muda dengan pelbagai bidang yang lebih mencabar seperti sains dan teknologi.

"Ini penting kerana pembangunan sesebuah negara hanya akan dapat dilakukan dengan sempurna apabila pembangunan modal insan berlaku dengan seimbang dan bukan hanya fokus di kawasan bandar kerana sesebuah universiti bukan hanya menurunkan ilmu kepada para penuntut, malah turut berkongsi ilmu dan kepakaran yang dimiliki dalam pembangunan sesebuah komuniti," katanya.



IDRIS Jusoh beramah mesra dengan sebahagian mahasiswa pada majlis Ramah Mesra Bersama Warga UTHM di Batu Pahat, baru-baru ini.